

27 APR 1998
Komanwel-Pra
BELANJAWAN PRA-SUKAN DIPOTONG SEPARUH

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Sukom Ninety Eight Berhad telah mengurangkan kos menganjurkan pra-sukan bagi Sukan Komanwel ke-16 pada 11 hingga 19 Julai ini kepada RM2.295 juta daripada peruntukan asal sebanyak RM4.5 juta.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata setiap lima persatuan terlibat dengan pra-sukan itu akan menerima RM134,830 bagi menganjurkan sukan masing-masing manakala lain-lain kos akan ditanggung Sukom.

"Semua persiapan sedang berjalan rancak dan kelima-lima perstuan berkenaan telahpun mengemukakan cadangan berhubung jenis acara dan belanjawan diperlukan kepada Sukom," katanya kepada pemberita selepas diberi taklimat mengenai pra-sukan itu di sini hari ini.

Beliau berkata kira-kira 2,000 atlit dan pegawai dijangka menyertai pra-sukan itu dan mereka akan menginap di Blok C Perkampungan Sukan.

Muhyiddin berkata lain-lain khidmat sokongan akan dikerah sepenuhnya sepanjang pra-sukan itu, termasuk sistem keputusan dan teknologi yang sedang dipasang di venue-venue sekarang.

Antara acara pra-sukan itu, yang diadakan sempena perasmian Kompleks Sukan Bukit Jalil oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ialah olahraga, akuatik, skuasy, hoki lelaki dan gimnastik.

Katanya sistem pengangkutan dan lalulintas, termasuk bas untuk keluarga sukan dan orang ramai, juga akan diuji khususnya semasa upacara pembukaan pada 11 Julai yang dijangka menarik kira-kira 90,000.

Di samping itu Pusat Ujian Dadah di Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang akan menguji sekurang-kurangnya 10 contoh yang diambil secara rambang.

Mengenai acara sukan, beliau berkata hoki akan melibatkan perlawanan antara lima pasukan tempatan manakala lain-lain acara akan disertai atlit luar negara termasuk olahraga dan akuatik.

"Meskipun sesetengah pra-sukan hanya disertai atlit tempatan, saya mahu persatuan-persatuan berkenaan supaya mengekalkan mutu yang tinggi...saya harap penganjur akan beri perhatian serius," katanya.

BERNAMA
AR ZAB